

Newspaper	Berita Harian
Date	11/3/2013



Dr Mahathir disambut meriah sempena Majlis Bicara Tokoh: Masa Depan Bangsa Malaysia di SMK Meru, Klang, semalam.
[FOTO INTAN NUR ELLIANA ZAKARIA/BH]

Guru perlu pilih pemimpin utamakan pendidikan

BH - 11/3/2013

Meru: Rakyat termasuk guru perlu menyetepikan perasaan taksub dan beremosi ketika membuat pilihan supaya tidak memilih kerajaan yang tidak memberi tumpuan kepada soal pendidikan.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad,

berkata guru perlu sedar mereka memainkan peranan penting dalam menentukan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup rakyat pada masa depan, lebih daripada apa yang dinikmati kini.

Katanya, golongan pendidik diharap tidak terpesong de-

ngan perkara lain termasuk politik kerana walaupun politik perlu dalam pembentukan kerajaan di negara ini, jika tersalah pilih, kerajaan yang dibentuk itu mungkin akan hanya mementingkan kepada pembinaan pasukan tentera yang besar dan bukan kepada

pelajaran rakyatnya.

Bijak nilai prestasi

"Kita harus bijak untuk menilai prestasi kerana kalau kita tidak bijak, kita taksub dengan sesuatu, kita terlalu beremosi, memilih dengan mengikut perasaan dan bukan penilaian, besar kemungkinan kita memilih kerajaan yang tidak sesuai dengan kita.

"Dengan itu kita akan menjadi mangsa. Kalau kita pilih pemimpin atau kerajaan yang tidak memberi tumpuan kepada kebaikan rakyat, maka kita akan menghadapi masa depan yang gelap," katanya ketika menyampaikan ucapan pada program Bicara Tokoh: Masa Depan Bangsa Malaysia, di Sekolah Menengah Kebangsaan Meru, di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, Malaysia adalah sebuah negara yang memberikan tumpuan kepada pelajaran sehingga pada suatu masa dulu Kerajaan Pusat membelanjakan 25 peratus daripada belanjawan negara untuk pendidikan rakyat dengan membina sekolah, institusi pengajian tinggi, memberi biasiswa selain menghantar pelajar ke serata dunia untuk melanjutkan pelajaran dan hanya lima peratus untuk pembangunan pertahanan negara.